

TOLERANSI NABAWI DALAM PEMBINAAN BUDAYA MASYARAKAT MADANI YANG BERTAMADUN

Mohd Farihal Osman¹Noor Habibi Long² Ahmad Bashir Aziz³

Abstrak

Budaya adalah amalan harian yang di amalkan dalam kehidupan. Kehidupan yang terbina oleh masyarakat yang tinggi nilai hidup akan membawa kepada keamanan dan kesejahteraan. Tetapi kehidupan yang terkeluar dari norma kehidupan, terkeluar dari fitrah manusia membawa kepada kehancuran sepertimana penindasan dan peperangan. Persoalannya apakah toleransi nabawi dalam pembinaan budaya masyarakat madani madani sehingga terbina satu ketamadunan manusia. Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti budaya masyarakat madani yang bertamadun. Kajian dengan kaedah kualitatif yang lebih sesuai digunakan kerana mengkaji budaya dan proses yang sukar diukur. Kajian ini menemui beberapa penemuan penting dalam pembinaan tamadun manusia. Tamadun yang terbina dari budaya masyarakat Madani adalah satu bentuk kehidupan yang tinggi tamadunnya. Kehidupan yang hendak dicapai oleh sesuatu masyarakat dalam hal seperti tempat tinggal, pembangunan, dan perbandaran. Tiga bentuk kehidupan ini terkandung dalam dua dimensi iaitu fizikal dan spiritual. Dari dimensi fizikal, sesebuah masyarakat madani itu perlulah hidup dalam keadaan selesa dan aman damai. Dari dimensi Spiritual pula, sesebuah masyarakat Madani itu perlulah hidup dalam mengamalkan ketinggian budi pekerti dan kesantunan.

Kata kunci : Tamadun, Budaya, Masyarakat Madinah, Asas Pembinaan Masyarakat

2016 GBSE Journal

¹ Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM). 06010, Sintok, Kedah, Malaysia, Tel: E-mail: farihal@uum.edu.my

² Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM). 06010, Sintok, Kedah, Malaysia, Tel: E-mail: mnhabibi@uum.edu.my

³ Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM). 06010, Sintok, Kedah, Malaysia, Tel: E-mail: bashir@uum.edu.my

Pengenalan

Peradaban kota Madinah sebagai sebuah kota yang termaju telah digambarkan oleh khalifah Umar al-Khattab yang menyatakan Madinah ini adalah ibu kepada segala kota. Empayar Madinah telah membebaskan kota-kota lain seperti Mesir, Iraq, Syiria menuju kepada sebuah masyarakat madani. Walaupun keadaan masyarakat di Madinah sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin. Masyarakat hidup dalam suasana api permusuhan dan penindasan, Nabi Muhammad telah berjaya menyatukan puak Auz dan Khzraj. Kehidupan sebelumnya dengan kepelbagaian jenis masyarakat di Madinah. Di samping itu juga suasana dalam keadaan peperangan, hubungan sosial yang terkeluar dari batasan peraturan kemanusiaan.

Latar Belakang Kajian

Konflik yang timbul di kota Madinah yang penuh bersejarah dengan peradaban manusia itu, telah terbukti berjaya diselesaikan dengan formula yang telah diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w sendiri. Pentadbiran yang menggunakan perlembagaan Madinah sebagai panduan. Dunia hari ini digemparkan dengan kebangkitan masyarakat Arab (Arab Spring) pergelutan, pemberontakan, peperangan saudara telah membuktikan kehidupan tanpa undang-undang sihat mengakibatkan peperangan yang membawa kesan jangka panjang dan penularan kemiskinan di dalam masyarakat.

Kemiskinan dalam kehidupan manusia. Menurut Ungku Aziz (1964) miskin bermaksud tidak memperolehi pendapatan yang dapat memenuhi keperluan asas yang utama, atau tidak mendapat makanan yang mempunyai zat yang diperlukan untuk kesihatan badan serta tidak dapat memenuhi dan mengekalkan kecekapan fizikal. Manakala Booth (dalam Holman, 1978) menyatakan miskin boleh diuraikan sebagai seseorang yang hidup dalam keadaan yang susah untuk memenuhi keperluan-keperluan hidup yang mencukupi. Rowntree (dalam Holfman, 1978) pula menjelaskan bahawa kemiskinan sebagai ketidakcukupan memenuhi keperluan asas di peringkat secukup hidup untuk mempertahankan kecekapan fizikal.

Sementara Syed Husin Ali (1978) menyatakan kemiskinan bererti satu keadaan kekurangan yang merangkumi kekurangan daripada mendapatkan beberapa keperluan hidup iaitu keperluan asasi (makanan, tempat tinggal dan pakaian) serta keperluan sosial (seperti pendidikan, perubatan, bekalan api dan air serta kenderaan). Beliau juga menjelaskan bahawa golongan miskin ialah mereka yang tidak mampu atau tidak berkebolehan mendapatkan semua keperluan tersebut. Manakala golongan miskin kronik ialah golongan yang tidak mampu mendapatkan keperluan asasi. Ishak Shaari (1996) mendefinisikan kemiskinan sebagai satu keadaan apabila sesebuah isi rumah tidak memperolehi pendapatan yang cukup bagi menampung sejumlah perbelanjaan untuk keperluan asas yang minimum seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan asas bukan makanan.

Di Malaysia, kaum Melayu adalah yang paling dominan. Isu hak istimewa Bumiputera adalah isu yang paling sensitif dan semua pihak dilihat agak berhati-hati dalam mengendalikan isu ini. Peristiwa rusuhan kaum 16 Mei 1969 telah memberi pengajaran berharga kepada negara bahawa keamanan dan kesejahteraan adalah suatu yang tidak ternilai. Sungguhpun demikian, sesetengah parti politik yang didokong *chauvinist* perkauman dilihat cuba menangkuk air keruh dari isu ini. Tindakan sesetengah parti politik yang berani mempersoalkan hak yang diiktiraf perlembagaan dan kontrak sosial itu telah dilihat oleh

masyarakat Melayu sebagai mencabar hak dan ketuanan masyarakat melayu bumipetra sebagaimana berlaku di Kongres Ekonomi Cina dan hindraf, (Hussain, 18 Ogos 2010).

Berbeza di Madinah, sungguhpun demografi penduduk adalah hampir sama dengan Malaysia, iaitu kepelbagaian kaum dan etnik, namun faktor perbezaan kaum itu tidak menjadi penghalang kepada bangsa Madinah untuk hidup aman damai dan saling hormat menghormati satu sama lain. Sehingga kini, penduduk Madinah yang terdiri dari lebih 8 bangsa berlainan kekal hidup aman damai dengan sikap toleransi yang tinggi sehingga menghairankan sesiapa yang melihat. Bangsa dari pelbagai benua, budaya dan warna kulit seperti Arab, Pakistan, India, Bangladesh, Turki, Afganistan, Uzbekistan dan Afrika yang menetap di Madinah telah menunjukkan bahawa mereka mampu meraikan perbezaan dan berkasih sayang hanya dengan satu perlembagaan sahaja, iaitu perlembagaan yang diasaskan oleh Muhammad s.a.w (Misrawi, 2011).

Masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang menjunjung tinggi nilai agama dan kepercayaan dan ini terbukti bahawa agama Islam diletakkan sebagai agama rasmi negara dan dilindungi oleh perlembagaan dan dijunjung menerusi rukun Negara. Komposisi agama pula tersebar kepada kaum-kaum seperti Melayu dengan agama Islam (61.3%), kaum cina dengan agama Buddha (19.8%) dan Kristian 9.2%, manakala kaum India sinonim dengan agama Hindu (6.3%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Keadaan demografi ini telah meletakkan agama dan kepercayaan sebagai isu sensitif dan cenderung membawa kepada isu perkauman jika tidak dikawal. Isu-isu yang menyentuh sensitiviti agama seperti isu tuntutan penggunaan kalimah “Allah” oleh penganut Kristian, isu Artikel 11, IFC, isu logo Halal Jakim palsu dilihat sebagai cubaan mencabar kehormatan agama Islam dan mencetuskan kemarahan majoriti masyarakat Islam (Kamaludin, 20 Oktober 2013).

Sebaliknya, pengalaman Madinah menunjukkan bahawa agama seharusnya menjadi medium penyatuan berbanding menjadi medium perpecahan. Komposisi agama dan kaum di Madinah di zaman Rasulullah s.a.w adalah terdiri daripada pelbagai agama dan pegangan. Kaum Yahudi menganut agama Yahudi, kaum Arab dengan anamisma/pagan, manakala sebahagiannya menganut agama Nasrani dan Islam. Sungguhpun begitu, keadaan ini tidak menghalang mereka bersatu padu dibawah perlembagaan yang berteraskan wahyu (Piagam Madinah) bahkan ditetapkan dalam perlembagaan tersebut akan pemeliharaan hak-hak agama masing-masing. Perlembagaan yang berusia lebih 1000 tahun ini sehingga hari ini dilihat masih berupaya dan kekal teguh memayungi penduduk Madinah dan meletakkan mereka bebas dari perpecahan dan peperangan.

Perpaduan bukanlah sesuatu boleh dicapai dalam satu malam sahaja, ia menuntut penghayatan dan pendidikan yang berterusan terhadap nilai-nilai yang menyatukan bangsa dan memerlukan penglibatan semua pihak. Telah banyak wang ringgit dan tenaga telah dibelanjakan oleh kerajaan menerusi program-program memupuk integrasi dan perpaduan kaum, namun, ironinya tindakan kerajaan membiarkan wujudnya ngo-ngo yang bersifat ultrakiasu dan ultra kaum dilihat bertentangan dengan hasrat kerajaan dalam aspek perpaduan dan integrasi kaum. Ngo kumpulan pendesak berasaskan kaum seperti hindraf, sskm, perkasa sering dilihat mencetuskan provokasi dan bermain dengan api perkauman sehingga kadang kala meningkatkan suhu politik tanah air. Hal ini jika tidak dikawal bakal mencampakkan negara kedalam rusuhan kaum dan pemberontakan.

Berbeza di Madinah, kerja-kerja kesukarelaan telah sehati dengan masyarakat disana. Di dalam perlembagaan Madinah sendiri telah mewartakan bahawa masyarakat Madinah mestilah mengamalkan semangat kesukarelawan yang tinggi dan saling bantu membantu antara satu sama lain. Bahkan turut ditegaskan bahawa tiada satu kaum pun boleh mengecualikan diri dari tanggungjawab saling bantu membantu dan melindungi ini. Sifat Perlembagaan Madinah yang meletakkan sudut perbezaan hanyalah dinilai pada baik dan buruk sesuatu tindakan dan amalan, bermakna, seseorang tidak akan dihukum berdasarkan kaum dan warna kulit (generalisation), tapi berdasarkan perbuatan individu. Penghayatan mendalam masyarakat Madinah terhadap intipati dan semangat perlembagaan Madinah menerbitkan kesan yang membentuk budaya yang diwarisi turun temurun sehingga ke hari ini menjadikan NGO pendesak berasaskan perkauman tidak relevan diwujudkan.

Permasalahan Kajian

Agama adalah panduan cara hidup dalam masyarakat. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak agama. Sementara rakyat Malaysia mengamalkan agama-agama yang berlainan seperti agama Islam, Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain kepercayaan. Proses evolusi sejarah rakyat Malaysia bermula dengan kerajaan Melayu, kemudiannya dijajah oleh kuasa-kuasa asing. Selari aspek perkembangan, pola kehidupan dan kependudukan masyarakat, maka tidak hairanlah jika masalah pertukaran agama berlaku di negeri-negeri di Malaysia. Menurut Farah Wahida (2009) terdapat proses Kristianisasi yang dilakukan oleh gerakan Missionaries ini telah bertapak di tanah Melayu semenjak penjajahan Portugis 1511M. Walau bagaimanapun proses Kristianisasi tersebut kurang berjaya adalah kerana masyarakat Islam masih kuat berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah.

Terdapat kajian yang dilakukan oleh Azhar (2000) mendapati dari tahun 1994 hingga Mei 1997 mendapati 60 hingga 210 permohonan bagi pertukaran nama telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) daripada jumlah tersebut sebanyak 519 permohonan bertukar nama atas alasan ingin keluar dari Islam atau murtad. Walau bagaimanapun 40% sahaja yang diluluskan oleh JPN manakala 52% lagi telah ditolak atau ditarik balik oleh pemohon.

Remaja masa kini makin terdedah kepada gejala songsang. Apabila didapati keterlibatan remaja Melayu Islam yang cenderung untuk menukar agama serta terlibat dalam kumpulan yang boleh merosakkan akidah mereka seperti JIT (Jangan Ikut Tuhan) dan Black Metal. Gejala ini boleh merosakkan institusi Keluarga Islam bahkan ia lebih buruk daripada gejala sosial dan dadah. Terdapat juga remaja yang hidup mereka kosong, kehidupan mereka dipenuhi dengan melepak. Budaya melepak merupakan aktiviti membuang masa secara mundar mandir dan bersiar-siar tanpa sebarang arah tuju. Kehidupan remaja mencari jalan untuk keluar dari tekanan hidup. Tekanan dan kesempitan rumah di rumah tumpangan dan tujah kesempitan untuk mendapat sumber pendapatan. Disebabkan tekanan ini, kehidupan masyarakat bercampur. Percampuran diantara lelaki perempuan untuk menjalankan aktiviti harian membawa ruang kepada. Pergaulan bebas diantara lelaki dan perempuan tanpa tujuan yang baik ini, percampuran yang mendorong kepada perkara-perkara besar seperti seni bebas, dan bersekedudukan tanpa sah. Gejala sosial ini kedengaran buang bayi di serata tempat. Budaya fitnah di zaman Saidini Uthman sehingga jatuh pemerintahan Khalifah kerana khabar dhaif. Penyataan masalah kajian diatas menunjukkan bahawa masih ada ruang (gap) untuk membina perpaduan masyarakat madani. Persoalan yang timbul secara umumnya berkaitan dengan pembinaan budaya masyarakat Madani.

Persoalan Kajian

Penyelidik menggariskan beberapa persoalan berhubung budaya masyarakat Madani. Dengan itu, beberapa persoalan telah dikenal pasti bagi mencari jawapan dari persoalan persoalan tersebut ialah apakah asas budaya masyarakat Madani.

Sorotan Literatur

Menurut Durkheim (1893) di dalam bukunya bertajuk “*The division of labour in Society*” menyatakan bahawa masyarakat tradisional mempunyai bentuk yang berbeza hal sosialnya antara ahli masyarakat. Jenis perhubungan seperti ini disebut “*mechanical solidarity*”. Masyarakat tradisional hidup dalam keadaan yang sederhana berdasarkan komuniti atau keluarga dalam perkampungan atau daerah. Secara umumnya kehidupan masyarakat tradisional memiliki adat resam kepercayaan masing-masing. Walaupun pegangan mereka adalah sama akan tetapi tidak bererti mereka bergantung antara satu sama lain. Tetapi setiap individu adalah hubungan mengawal diri mereka sendiri dan mempunyai pekerjaan sendiri yang terbatas dengan kemampuan diri dan kumpulan sendiri.

Sebaliknya, masyarakat masa kini bersaing lebih banyak untuk memperolehi punca-punca pendapatan. Ketika persaingan ini akan timbul permasalahan perpecahan sosial. Oleh yang demikian, persaingan dalam alam pekerjaan timbul di dalam masyarakat moden. Gambaran masyarakat moden berusaha membentuk komuniti dari kalangan mereka bagi menyediakan keperluan seperti agama, ekonomi, politik dan pendidikan. Masyarakat ini hidup bergantung antara satu sama lain. Sebagai satu masyarakat moden disebut “*organic solidarity*” dikhaskan fungsinya dan saling bergantung antara satu sama lain (Webster, 1984). Oleh yang demikian, masyarakat tradisional dan moden boleh dibezakan dengan melihat cara hidup dan bidang pekerjaan, ikatan individu dan peranan persaudaraan, perhubungan, cara berfikir, pandangan (Webster, 1984).

Masyarakat Islam

Agama Islam amat memberi perhatian kepada pembinaan dan pembangunan masyarakat seperti mana perhatian yang perlu diberi perhatian kepada pembinaan dan pembangunan individu Ghafarullahudin (2004). Perkembangan dan pembangunan individu biasanya amat terpengaruh dengan suasana masyarakat sekeliling dipelbagai situasi. Individu yang dimaksudkan itu tidak akan menjadi baik melainkan jika ia berada di dalam sesebuah masyarakat yang dapat membantu pertumbuhannya secara sihat dan sempurna dalam segala aspek. Sehubungan dengan perkara ini, Al-Qardawi, (2000) menulis dalam bukunya “*Malamih al-Mujtama al-Muslim allazi Nansyuduhu* “*masyarakat adalah umpama tapak semaian yang bercambah di atasnya benih individu, udara dan mentarinya*” Perumpamaan di atas jelas memberi gambaran penting suasana masyarakat yang baik dan lantaran inilah kata Al-Qardawi (2000)“

Penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah adalah suatu usaha ke arah mewujudkan masyarakat tersendiri yang dibina dan dibentuk oleh baginda dengan Al-Quran di dalamnya terdapat *aqidah, nilai, Syariah Islam*. Ini dijelaskan lagi oleh Abd Hadi (1987) yang mengatakan individu adalah umpama sel dalam tubuh masyarakat yang besar. Keselamatan

tubuh itu bergantung kepada kesihatan sel-selnya. Lantaran kedudukan ini, Islam menaruh perhatian besar terhadap pendidikan individu dan pembentukannya dengan cara yang menjamin agar individu itu dapat menjalankan perannya yang penting dalam kehidupan secara harmonis. Asas pembinaan dan pembangunan masyarakat Islam yang mengukuhkan mereka dan menyelamatkan mereka daripada pelbagai kepincangan (al-Qardawi, 2000).

Asas Pembangunan Masyarakat Islam

Islam adalah agama yang memelihara kesejahteraan penganutnya di seluruh dunia ini. Islam juga adalah cara hidup yang lengkap dan melengkapinya naluri manusia. Islam bukan sahaja mengiktiraf hak pemilik harta untuk menikmati faedah daripada harta kepunyaannya itu, malah ia mengiktiraf juga hak pemilik itu untuk menguruskannya semasa dia masih hidup dan sesudah meninggal dunia. Dengan demikian, sistem Islam istimewa dari sistem komunis yang tidak mengiktiraf hak milik individu.

Salah satu daripada keistimewaan agama Islam ialah mempunyai undang-undangnya ciptaan Allah s.w.t. buka undang-undang yang dicipta oleh manusia. Undang-undang tersebut ialah Syariah Islam yang dikatakan bersifat lengkap *Syumul* yang mencakupi semua aspek dalam kehidupan (Ahmad Ibrahim, 2002). Pada dasarnya, *Syariah Islam* diturunkan adalah bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan dan kebaikan masyarakat manusia, di dunia dan akhirat (Hailani, Abd Ghafar, dan Anwar, 2009).

Islam yang berasal daripada kata dasar *aslama* membawa maksud sejahtera, damai, tunduk, patuh dan menyerah diri. Secara khusus Islam adalah *al-din* yang mendasarkan kepatuhan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada kehendak Allah (Abdalati 1981, Khurshid Ahmad, 1981). Kedamaian dan kesejahteraan jasmani dan akal dan spritual individu dan masyarakat) hanya dapat ditempuhi melalui kepatuhan dan pengabdian diri dengan sepenuhnya kepada Allah Khurshid Ahmad (1981) Firman Allah yang bermaksud:

“(iaitu) mereka yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah hanya dengan mengingat Allah hati mereka tenteram. Orang yang beriman dan beramal salih, bagi mereka kebahagiaan dan tempat kembali yang baik”
(13:28-29)

Dengan itu seruan Rasulullah.s.a.w mengajak kepada kepatuhan dan penyerahan diri kepada Allah, tegasnya kepada Islam dalam firmannya yang bermaksud:

“Ketika tuhannya berfirman kepadanya: tunduk patuhlah (aslim) Ibrahim menjawab: aku tunduk patuh (aslam) kepada tuhan semesta alam”
(2:131)

Penyempurnaan ajaran Islam berlaku dengan terutusnya Rasul terakhir, Muhammad s.a.w firman Allah yang bermaksud:

“Pada hari ini telah aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan telah aku cukupkan kepada kamu nikmat aku, dan telah aku reda Islam itu menjadi agama bagi kamu.”

Dengan penyempurnaan ini, maka Islam merupakan (penyerahan diri kepada) cara kehidupan yang berdasarkan ajaran Allah dan yang di atur oleh Nabi Muhammad s.a.w. tunduk dan patuh zahir dan batin kepada apa-apa yang disampaikan oleh Rasulullah (Taufiq,1982). Allah S.W.T menegaskan dalam al-quran bahawa segala, makhluk (yang dapat dilihat dengan mata kasar atau tidak) adalah ciptaan Allah s.w.t. Dia pencipta segala sesuatu di bumi dan dilangit dan antara keduanya. Di antara firman Allah s.w.t berhubung dengan prinsip pemilikan sebenar (mafhumnya):

“Segala yang di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikan, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakan kepada kami. Kemudian Ia mengampunkan sesiapa yang dikehendakiNya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya(menurut undang-undang peraturan serta kebajiksanaan-Nya. Dan (ingatlah), Allah maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”

(Surah Baqarah: 284)

“Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan bumi, dan Allah maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu”

(Surah Ali Imran: 189)

Menurut (Hailani, 2007) konsep pembangunan dibina melalui kejernihan jiwa daripada hati budi setiap individu, dan daripada asas ini ikatan kemasyarakatan dapat dijalankan dengan kuat bagi menjamin konsep ketahanan umat dan Negara. Sekiranya faktor pembangunan kemanusiaan itu tidak disalurkan ke dalam acuannya yang sebenar sebagai insan kamil, dikhuatiri nanti akan mencetuskan satu aliran sikap kehendak yang tidak terbatas dan tidak merasa puas seperti yang diperingatkan Allah;

“Katakanlah (Muhammad) seandainya kamu (manusia) menguasai perbendaharaan (harta kekayaan) rahmat tuhanku, nescaya perbendaharaan itu kamu tahan, kerana takut (habis dengan membelanjakannya, dan manusia itu (sifatnya adalah) sangat kikir.”

(Surat al-Isra: 100)

Dijelaskan oleh (Ghafaruddin, 2004) *Islam* bermaksud penyerahan diri kepada Allah yang mencakupi semua bidang kehidupan dan tamadun. Penyerahan diri kepada Allah ini tentunya mempunyai titik permulaan. Titik yang dimaksudkan itu ialah menyerah diri dengan hati. Menyerah diri yang dimaksudkan ini ialah membenarkan “*tasdiq*” dengan hati. Apabila meyakini, membenarkan dan menerima apa yang disampaikan oleh Allah s.w.t melalui Nabi Muhammad s.a.w maka keimanan yang telah diakui benar dalam hati itu wajib dilahirkan. Untuk melahirkan keimanan yang benar itu, agama Islam telah menetapkan dan memperakui satu “*pengucapan*” rasmi dan terkhusus yang disebut sebagai *syahadah*. *Syahadah* adalah sebagai bukti yang tepat terhadap keyakinan dan keimanan dan

ia merupakan penyambung di antara sudut yang (ghaib) tersembunyi dalam Islam dengan sudut yang zahir (Muhamad Sulaiman, 1981)

Seperti yang dibincangkan dalam *kitab-kitab muktabar* al-Bukhari (1997) dan al-Ghazali (1981) menjelaskan asas penting mengenai pembangunan masyarakat Islam yang perlu diberi perhatian dalam rangka merealisasikan kehendak Allah terhadap tujuan kehidupan manusia di dunia ini. Iaitu pegangan kepada *Al-tauhid* adalah perkara yang perlu diberi perhatian dalam kehidupan. Perkara ini dijelaskan lagi oleh Muhammad Asad (1987) iaitu masyarakat Islam telah dibina atas asas agama semata-mata dan kelemahan pada asas ini telah membawa kelemahan kepada struktur budaya serta berkemungkinan membawa kelemahan kepada kepupusannya. Kehidupan masyarakat Islam berkait rapat dengan agama, kehidupan berpandukan kepada agama sebagai asas pembinaan dan pembangunan masyarakat Islam. Asas ini dijelaskan oleh Al-Qardawi (2007) iaitu asas pertama terbina di atas masyarakat Islam ialah “*Aqidah*” iaitu yang di maksudkan di sini ialah “*Aqidah Islam*”. Tugas pertama masyarakat Islam ialah memelihara, menjaga dan menegakkan *aqidah* ini serta memancarkan cahayanya ke seluruh alam.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan persoalan yang telah dijelaskan. Objektif kajian ialah mengenalpasti budaya masyarakat madani.

Metodologi Kajian

Kajian ini untuk mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mengukuhkan dan meruntuhkan perpaduan masyarakat. Menurut Sabitha (2006), Strauss dan Corbin (1998), kaedah kualitatif lebih sesuai digunakan kerana mengkaji budaya dan proses yang sukar diukur. Kajian yang tidak menetapkan hipotesis dengan menekankan konsep asas di kembangkan berdasarkan beberapa objektif kajian, Usaha penyelidik mendapatkan kefahaman yang mendalam, penyeldik melibatkan pelbagai pendekatan seperti triangulasi yang melibatkan diri sendiri, menemubual responden serta menganalisis dokumen-dokumen bertulis.

Penyelidik mengumpulkan bahan-bahan bercetak dan didokumentasi khususnya buku-buku, kitab-kitab turath (warisan Islam) karangan fuqaha’ silam, jurnal-jurnal, kertas-kertas kerja dan dokumen-dokumen bercetak yang lain untuk melihat asas-asas perpaduan dalam masyarakat. Kaedah- kaedah dokumen melalui kajian perpustakaan ini dapat memahami konsep-konsep yang ditulis di dalam buku dan lain-lain. Selain dari pembacaan penyelidik melibatkan beberapa orang pakar dalam temu bual terdiri daripada tokoh-tokoh agama Islam, tujuannya adalah untuk cross-check kepada fakta fakta yang dikeluarkan bagi memastikan kebenaran. Sesuatu persoalan atau isu yang diperoleh. Disamping itu, data tersebut bagi menguatkan kredibiliti sumber-sumber yang diperolehi.

Penemuan Kajian

Dapatan dari persoalan pertama apakah budaya masyarakat Madani. Objektif dari persoalan pertama iaitu mengkaji budaya masyarakat Madani. Hasil kajian menemui serta menjawab persoalan dan objektif kajian. Melalui analisis deskriptif daripada dokumen perpustakaan yang diperolehi mendapati seperti berikut:

Istilah '*Madaniyyah*' telah diperkenalkan oleh Al-Farabi pada abad ke-11 Masihi. Kemudiannya, Ibn Khaldun pada abad ke 14 Masihi telah memperkenalkan istilah '*Umran*' dan '*Hadarah*' yang kemudiannya menenggelamkan istilah '*Madaniyyah*'. Istilah '*Tamaddun*' pula muncul pada abad ke 19 Masihi oleh Jurji Zaydan, manakala istilah '*Madani*' muncul pada abad ke-20 Masihi sebagai kata sifat bagi '*Tamaddun*'. Dalam bahasa Melayu, istilah '*Tamaddun*' dieja sebagai '*Tamadun*'. '*Madani*' dalam istilah Arab dimaksudkan sebagai kehidupan yang dapat atau hampir dapat mencapai ideal atau **bentuk kehidupan yang tinggi yang hendak dicapai oleh sesuatu masyarakat**. Bentuk ideal kehidupan itu bersifat subjektif dan bergantung kepada masa dan tempat serta nilai yang dianuti oleh sesebuah masyarakat. Unsur-unsur pembinaan Tamadun seharusnya diperlukan dalam mewujudkan sebuah kehidupan yang dimaksudkan dengan berbentuk Madani. Konsep Tamadun menurut Ibn Khaldun antaranya mengandungi tiga unsur utama iaitu unsur **Tempat Tinggal, Pembangunan, dan Perbandaran**, walau bagaimanapun, masyarakat Madani lebih menumpukan kepada unsur pembangunan. Menurut Jurji Zaydan, dimensi yang terkandung dalam unsur **pembangunan** adalah dimensi **fizikal dan spiritual**. Dari dimensi **fizikal, sesebuah masyarakat madani itu perlulah hidup dalam keadaan selesa dan aman damai**. Dari dimensi **Spiritual pula, sesebuah masyarakat Madani itu perlulah hidup dalam mengamalkan ketinggian budi pekerti dan kesantunan**. *Madani* adalah kata sifat kepada *Tamadun*. Oleh itu, unsur-unsur yang membina konsep Tamadun juga terdapat pada konsep Madani dan kedua-duanya tidak jauh bebeza. Maka, model masyarakat *Madani* tidak mungkin jauh berbeza dari faktor pembinaan, perkembangan, dan keruntuhan tamadun. Maka, perbincangan model masyarakat *Madani* yang dicadangkan adalah dari seperti berikut

Definisi Madani

Menurut Mahayudin (2014) perkataan *madani* dan *madaniyyah* adalah nisbah kepada madinah dari kata akar *Ma da na* yang bermaksud orang bandar atau penduduk bandar, atau orang yang menukar keadaan yang tidak bertamadun kepada yang bertamadun atau mentamaddunkan. Pandangan Syed Muhammad Naquib (1989) iaitu masyarakat madani. Mengenai perkataan madani berasal dari kata akar *da na* dan kata terbitannya *dinan* atau *diyanat* bererti agama. Maksud agama di sini ialah agama Islam atau cara hidup Islam. Islam mempunyai tatasusila, hukum dan undang-undang yang luhur. Sebagai contoh Kota *Yatsrib* yang menjadi pusat pemerintahan Islam yang pertama di tukar namanya kepada Madinah yang mengambil sempurna perkataan *din* yang di amalkan sepenuhnya di kota tersebut. Dari kata akar di ambil dari perkataan *Madinah* (kota) *madani* (masyarakat kota) dan *tamaddun* (tamadun). Menurut-pandangan-pandangan sarjana terdahulu mendapati perkataan *Madani* makna yang amat luas dan keistimewaan perkataan *Madani* dapat di rumuskan pengertian *Madani* dengan lebih terperinci berdasarkan literaturer-literature yang telah mendefiniskan *Madani* seperti berikut:

Rajah 1.0 Definisi Madani Mengikut Pandangan Sarjana

Pengarang	(Tahun)	Definisi
Mahayudin	(2014)	<i>Madani</i> bermaksud orang bandar atau penduduk bandar atau pengasas bandar atau orang yang menukar keadaan yang tidak bertamadun kepada bertamadun
Syed M. Naquib	(1989)	<i>Madani</i> ialah gagasan “ masyarakat Madani” perkataan madani berasal dari kata akar <i>da na</i> dan kata terbitanya <i>dinan</i> atau <i>diyanatan</i> bererti agama. Manakala agama pula ialah agama islam atau cara hidup Islam
Hans Wehr	(1971)	Perkataan <i>Madani (Urbanizad)</i> yang memberi maksud penduduk kota dengan penambahan perkataan awa, (civil) dan sekular, dan tamaddun (civilization) yang memberi maksud tamadun atau budaya kota
Hamid	(2004)	Menjelaskan maksud <i>madani</i> ialah keselesaan hidup dan ketinggian budi
Abu masur Azhari	(t.t)	Maksudkan dengan kota (madinah) ialah sebuah kawasan yang maju yang mempunyai binaan dan benteng pertahanan yang kukuh. Penduduknya adalah lebih ramai berbandan dengan penduduk desa. Orang yang bertamadun yang tinggal di kota (<i>madinah</i>) di panggil <i>Madani</i> jamaknya <i>madaniyyun</i> .

Berdasarkan kepada pengertian daripada sarjana-sarjana di atas, penyelidik merumuskan bahawa Madani adalah moden, baharu. Rumusan ini selari dengan pandangan Nasr al-Farabi menterjemahkan Madani kepada (orang awam yang tinggal dikota) manusia merupakan makhluk madani secara semula jadi dan Madani adalah di nisbahkan kepada kota (Madinah). Ia juga merujuk kepada Madinah ar-Rasul Shallallahu alaihi wasalam atau Yatsrib. Penyelidik berpandangan ‘*Madani*’ dimaksudkan sebagai satu bentuk kehidupan yang tinggi yang hendak dicapai oleh sesuatu masyarakat dalam hal seperti tempat tinggal, pembangunan, dan perbandaran. Tiga bentuk kehidupan ini terkandung dalam dua dimensi iaitu fizikal dan spiritual. Dari dimensi fizikal, sesebuah masyarakat madani itu perlulah hidup dalam keadaan selesa dan aman damai. Dari dimensi Spiritual pula, sesebuah masyarakat Madani itu perlulah hidup dalam mengamalkan ketinggian budi pekerti dan kesantunan.

Latar belakang masyarakat madinah

Madinah adalah sebuah wilayah yang terletak di negara beraja Arab Saudi. Madinah sebuah negara yang mengandungi pelbagai bangsa dan didominasi oleh tiga kelompok bangsa utama iaitu, Islam, Yahudi dan lain-lain. Ketiga-tiga rumpun bangsa ini mempunyai budaya dan kepercayaan yang berbeza. Kepelbagaian sifat ini tidak menghalang mereka tinggal dalam sebuah negara yang sejahtera, di bawah satu kepimpinan. Meskipun berbeza dalam budaya dan amalan kepercayaan.

Islam

Islam adalah agama sejagat (*universal*) bersumberkan al-Quran dan Sunnah yang seharusnya menjadi pedoman kepada keseluruhan manusia. Asas agama Islam inilah yang

menjadikan Islam telah mampu bertapak dan mewarnai pemikiran masyarakat Arab. Agama samawi yang diturunkan oleh Allah melalui perantaraan Nabi Muhammad s.a.w dengan berbekalkan sebuah al-Quran sebagai sumber rujukan masyarakat Islam. Masyarakat berpegang kepada enam rukun iman dan di di realisasikan melalui lima rukun Islam yang menjadi tunjang ibadah kepada Allah. Masyarakat Arab adalah terdiri daripada kaum beragama Islam. Berbahasa Arab dan mempunyai ciri-ciri yang unik dalam memperlihatkan budayanya

Yahudi

Kelompok etnik kedua terbesar di Madinah ialah Yahudi. Walaupun mereka digelar sebagai kelompok minoriti. Namun dari segi sumbangan mereka terhadap pembinaan perpaduan dalam sebuah negara Madinah khususnya dalam pelbagai bidang adalah amat ketara. Pendudukan masyarakat Yahudi di tanah Madinah mempunyai sejarah yang panjang. Masyarakat Yahudi adalah penduduk asal di Madinah. Perkampungan Quba' adalah kampung yang tidak asing bagi masyarakat Yahudi Madinah.

Lain-lain bangsa

Kaum ketiga terbesar dalam masyarakat Madinah selepas Islam dan Yahudi ialah lain-lain bangsa. Kemunculan mereka bermula selepas penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah. Terdapat sesetengah yang di jadikan hamba dan tidak mempunyai pegangan hidup seperti contoh, badwi-badwi yang tinggal pindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat.

Kesimpulan

Budaya merupakan lambang kepada ketamadunan sesebuah masyarakat. Toleransi nabawi telah merubah budaya menjadi peradaban manusia yang mempunyai nilai hidup yang tinggi. Madinah adalah tempat rujukan terpenting dalam menentukan keamanan dan perpaduan dalam negara. Negara yang pernah berperang, tetapi masakini menjadi aman dan tenang.

Rujukan

- Ahmad Bashir Aziz.(2015). *Pengurusan Islam alternatif pengurusan moden*. UUM Press.
- Amaludin, H. (2013,Oktober 20). Kalimah Allah milik semua. *Sinar Harian*
- Farahwahida Mohd Yusuf.(2004). *Kaedah penyelesaian dalam menangani pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Johor, Selangor, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Kajian.
- Hussain, N.A. (2010, Ogos 18). Hapuskan ekuiti Melayu cadangan kongres ekonomi cina berbaur hasutan - pakar undang-undang. *Mstar Online*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia.(2010).*Banci penduduk dan perumahan Malaysia: Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi*. Diambil dari http://www.statistics.gov.my/mycensus2010/images/stories/files/Taburan_Penduduk_dan_Ciri-ciri_Asas_Demografi.pdf
- Misrawi, Z. (2011). *Madinah kota yang bercahaya*. Selangor, Malaysia: PTS Millennia
- M.Yakub (2004) Piagam Madinah: Acuan dasar negara Islam. *Analytica Islamica*, 6 (2), 172-85
- Novel Iyndon.(2011). *Penyertaan dan keperkasaan dalam progra pembangunan komuniti. Satu tinjauan dari sudut pandangan dunia komuniti Bidayuh luar bandar*.
- Suraiy Ishak.(2011). *Amalan tadbir urus organisasi baka unta(NPO):penelitian keatas penyelenggaraan rekod kewangan rawak anak yatim*.
- Zakiyah Jamaluddin (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Social Welfare Journal*. Vol.37 Jun 2011. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Ahmad nabil (2009) Sistem Politik Islam di Zaman nabi Muhammad s.a.w. jurnal usuluddin bil 29 (2009) 221-252
- Mohd Kamel,Mohd Izhar (2016) Kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai Autoriri di Mahkamah Syariah Malaysia. *Jurnal of Contemporary islamic Law*, Vol. 1 (1) (2016).
- Hairuddin Megat, Che Asiah (2008) Islam dalam perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan faktor kesultanan Melayu. *Rekayasa- Journal of ethics, legal and governance*

Mohd Izhar, Alias Azhar (2010) prinsip dan model negara Islam: definisi dan Aplikasinya di Malaysia. JGD- Journal of Governance and development vol6.6, 2010(53-68)

Ardiansah (2010) islam as the State Official religion: A Comparative study on Indonesian and malaysia constitutions. Scientific Journal PPI-Ukm Issn no 2356-2536

Wan Sabri wan hussin (2005) mengurus perniagaan melalui etika- satu perspektif pembangunan usahawan yang berjaya. Jabatan syarian dan pengurusan